

Karya satira tidak boleh jadi alat propaganda pihak berkepentingan

- Satirawan sering menegaskan karya mereka dihasilkan adalah semata-mata untuk mengkritik pemerintah demi negara lebih baik

- RUU Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2024 diluluskan baru-baru ini, satira dan parodi dikatakan tidak lagi menjadi suatu kesalahan jenayah secara automatik



Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Oleh Dr Fairuzzaman Shaharuddin
bhrencana@bh.com.my

Grafik Yang Dipertua Negeri Sabah yang baru dilantik, Tun Musa Aman dihasilkan Fahmi Reza menyebabkan aktivis dan pereka grafik itu disiasat di bawah Akta Hasutan, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) dan Seksyen 504 Kanun Keseksaan, mencetuskan polemik mengenai satira.

Grafik satira ini mengundang pelbagai reaksi dalam masyarakat kerana ada menganggapnya sebagai kebebasan bersuara dan berekspresi tetapi sebahagian pula menegaskan satira sepatutnya lebih 'beradab'.

Dua sudut pandangan ini sebenarnya datang daripada tanggapan kita terhadap satira dan sindiran Melayu yang sebenarnya saling bertaut.

Dalam konteks Barat, satira berasal daripada perkataan Latin, iaitu 'satura' bermaksud hidangan makanan penuh dan beraneka bentuk. Justeru, satira dianggap karya kritikan yang rencam intinya tetapi ia juga hasil pengaruh kebudayaan dan kesusasteraan Yunani Kuno.

Unsur satira dapat dilihat dalam beberapa drama seperti komedi dan *satyr-play*. Namun, tiada istilah khusus seperti 'satura' dapat menggambarkan maksudnya seperti dalam kesusasteraan Rom.

Bahkan, kesusasteraan Rom kemudiannya mengembangkan satura sebagai genre terkenal hingga hari ini, khususnya dalam bentuk prosa.

Antara tokoh terkenal dalam dunia satira Rom ialah Horace dan Juvenal yang mempunyai gaya berbeza dalam menampilkan satira masing-masing. Dustin Griffin dalam bukunya, *Satire: A Critical Reintroduction*, satira dalam kerangka Horace atau satira Horatia lazimnya dikaitkan dengan ciri-ciri humor.

Satira bentuk ini dianggap halus, bijaksana dan sering berhati-hati, sekali gus tidak dilakukan secara berterus-terang serta langsung, tetapi secara berlapis makna.

Berbeza dengan satira Horatia, satira Juvenal pula ditafsirkan keras dan mempunyai unsur tragis seperti dalam drama tragedi. Ia bersifat provokasi dan bertujuan melukakan subjek yang menjadi sasarannya.

Perbezaan ini dapat kita kesan apabila membaca novel *Putera Gunung Tahan* karya Pak Sako dan *SHIT* tulisan Sasterawan Negara (SN) Datuk

Shahnon Ahmad.

Satira politik memang bertujuan memomok dan menempelak salah laku difikirkan berlaku di sekeliling pengamatan seseorang 'satirawan'. Momokan ini lazimnya dihasilkan untuk 'menyentak' pandangan masyarakat dan mengajak mereka memikirkan hal ehwal salah laku berkenaan.

Bahkan, satira digunakan untuk merosakkan imej dan reputasi individu berkuasa dianggap melakukan kecurangan, sekali gus selari dengan pandangan sarjana kesusasteraan Inggeris, Alvin Kernan dalam bukunya *The Cankered Muse: Satire of English Renaissance* yang menyatakan tujuan satira adalah untuk 'membunuh karektor' dan 'mentertawakan kebodohan'.

Konsep berbeza dengan amalan sindiran Melayu

Namun, konsep satira berbeza dengan amalan sindiran Melayu. Tidak hairanlah perkataan 'satira' hanya dimasukkan ke dalam *Kamus Dewan Edisi Ke-2* pada 1984.

Sebelum 'satira' diserap, perkataan *satire* digunakan dalam *Kamus Dewan Edisi Pertama* (1970) yang hanya merujuk kepada genre prosa atau tulisan.

Hal ini berbeza dengan konsep sindiran Melayu yang lama sebatik bukan sahaja dalam bentuk tulisan, bahkan tradisi lisan. Konsep lain digunakan berkait konsep sindiran Melayu dapat dilihat dalam kiasan atau seloka diterjemahkan dalam kesusasteraan tradisional Melayu seperti pantun, cerita jenaka, pepatah petiti, gurindam, peribahasa dan pelbagai lagi.

Perbezaan paling jelas antara satira dengan sindiran adalah daripada segi tujuan dan kepentingan menjaga air muka.

Sindiran Melayu bersifat didaktik, iaitu teguran untuk mengajar atau mendidik. Meskipun bersifat terselindung, tujuannya jelas untuk membetulkan sesuatu salah laku seperti peribahasa, 'pukul anak, sindir menantu' bertujuan menegur perbuatan pihak ketiga meskipun ditujukan langsung kepada pihak kedua.

Ini berkaitan dengan kepentingan menjaga air muka orang mahu ditegur. Kepentingan menjaga air muka dalam masyarakat timur adalah penting kerana keperibadian seseorang dibentuk ibu bapa dan ahli keluarga, guru serta rakan.

Justeru, pemberat ini perlu diambil kira supaya teguran bukan sahaja tidak menjatuhkan air muka individu, bahkan orang sekeliling.

Satira politik sebenarnya sudah lama bertapak di negara ini, bahkan sebelum merdeka lagi

khususnya dalam bentuk grafik. Misalnya akhbar seperti *Utusan Zaman* dan *Majlis* pernah menerbitkan grafik satira agak keras dan sensitif dengan tema identiti Melayu serta antikolonial.

Bapa Kewartawanan Melayu, Abdul Rahim Kajai sangat dikenali dengan watak 'Wak Ketok' sering mengkritik golongan imigran di Tanah Melayu ketika itu. Bagaimanapun, selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969, seruan perpaduan kerajaan mengajak golongan seniman turut sama melahirkan karya lebih lunak dan santai.

Contohnya, Kartunis Lat atau Datuk Mohd Nor Khalid banyak menghasilkan karya sindiran lucu dan sinis berdasarkan pengalaman serta pergelutan seharian masyarakat.

Majalah komik tempatan juga banyak mengikut tema sedemikian bukan sahaja disebabkan seruan perpaduan kerajaan, bahkan terikat di bawah Akta Hasutan serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Kita akui, sebagai negara demokrasi, kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun, sebagai negara majmuk, kebebasan berkenaan dibatasi undang-undang untuk mengelak daripada peristiwa berdarah sebelum ini berulang.

Pada masa sama, satirawan sering berhadapan tindakan undang-undang dengan tuduhan fitnah terutama apabila melakukan parodi atau imitasi, selain dianggap 'mengganggu-gugat keamanan masyarakat dan negara'.

Namun, satirawan juga sering menegaskan karya mereka dihasilkan adalah semata-mata untuk mengkritik pemerintah demi negara lebih baik.

Penulis masih ingat kes 'Ummi Hafilda Ali Iwn Ketua Setiausaha PAS' pada 1999 mengenai satira dibuat dalam sebuah artikel parodi dalam *Harakah*. Kes itu akhirnya memihak kepada Ummi Hafilda dan Mahkamah Rayuan memerintahkan Syarikat Prema membayar ganti rugi am RM50,000, selain ganti rugi am dikenakan kepada bekas Setiausaha Agung PAS, Abdul Halim Arshat dan bekas Ketua Pengarang *Harakah*, Datuk Mustafa Ali.

Kes ini kekal menjadi kes ikonik dalam sejarah satira politik di negara ini.

Bagaimanapun dengan Rang Undang-Undang (RUU) Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2024 diluluskan baru-baru ini, satira dan parodi dikatakan tidak lagi menjadi suatu kesalahan jenayah secara automatik. Namun Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil menjelaskan ada batas tertentu perlu diikuti.

Pada pendapat penulis, ada tiga perkara penting untuk diutarakan. Pertama, masyarakat perlu memahami perbezaan antara satira politik dengan sindiran Melayu.

Satira politik memang berfungsi mengkritik keras salah laku dan tingkah laku politik.

Kedua, batasan dimaksudkan Menteri Komunikasi perlu dijelaskan dengan terperinci namun tidak sehingga menyempitkan kebebasan bersuara dan berekspresi seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ketiga, satirawan juga perlu berpegang teguh pada pendirian neutral mereka. Kritikan dihalakan terhadap salah laku politik tidak seharusnya berpihak dan menjadi alat propaganda kepada pihak berkepentingan.

